



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

TERNAKAN IKAN DALAM SANGKAR HDPE – PENGUSAHA MAMPU JANA PENDAPATAN SEHINGGA RM5,000 SEBULAN

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) memperkenalkan sangkar ikan *High Density Polyethelene* (HDPE) yang dapat menghasilkan hampir **5 tan metrik ikan marin** bagi setiap sangkar yang memberi pulangan pendapatan mencecah **RM5,000 sebulan**.
2. Sistem ternakan sangkar HDPE berbentuk bulat ini merupakan satu **alternatif baru DOF** kepada pengusaha sangkar ikan marin dengan menggunakan peralatan yang lebih moden berbanding sistem ternakan konvensional sedia ada.
3. Sebagai percubaan, DOF telah menerima peruntukan hampir **RM115,000 dari Kerajaan Negeri Johor** untuk membina dua (2) unit sangkar HDPE ini di Pulau Kukup yang sesuai bagi aktiviti ternakan ikan marin seperti kerapu, jengahak, bawal emas, merah dan siakap.
4. Satu sangkar berdiameter 10 meter dengan kedalaman pukut sebanyak 5 meter ini mampu memuatkan sehingga **8,000 ekor ikan sepusingan dan pengeluaran hampir 5 tan metrik dengan nilai RM150,000**. Sekiranya setiap sangkar ini diusahakan oleh seorang penternak, pulangan pendapatan mereka mampu mencecah RM5,000 sebulan.
5. Terkini terdapat kira-kira 78 orang penternak ikan marin sedia ada di kawasan Kukup yang mengusahakan lebih 7,800 petak sangkar konvensional diperbuat daripada kayu dan hampir mencapai tahap daya tampung yang maksimum. Mereka disyorkan untuk menternak ikan dengan teknologi lebih moden yang dapat mengeluarkan hasil lebih banyak.
6. Berhubung kematian ikan yang dianggarkan lebih 100 tan metrik dengan nilai kira-kira RM4 juta yang berlaku di Kukup baru-baru ini, DOF melalui Pejabat Perikanan Negeri Johor telah membuat tindakan susulan untuk membuat siasatan lanjut bagi membantu penternak terkesan melalui Program Sistem Penyampaian Khidmat Sokongan Teknikal (SPeKS) Jabatan Perikanan Malaysia.

7. Pada hari ini juga, DOF turut memberi bantuan sebanyak **3,000 ekor benih ikan kerapu hibrid** sebagai percubaan kepada satu sangkar HDPE yang dijangka mampu menghasilkan kira-kira 2 tan metrik dengan nilai jualan RM60,000.
8. DOF merangka pelan jangka panjang bagi mentransformasikan pengusaha ikan marin untuk menggunakan sangkar ternakan jenis HDPE dan berpindah ke lokasi yang lebih dalam, serta kadar tukaran air laut yang lebih baik supaya hasil ternakan ini mampu ditingkatkan dengan lebih banyak.
9. Ini adalah kerana, kedudukan sangkar yang terlalu rapat antara satu sama lain menyebabkan kadar tukaran air sangat perlahan, di samping risiko kematian ikan tinggi sekiranya terdapat sangkar yang dijangkiti penyakit ikan dan sebagainya.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

01 November 2019 (Jumaat) jam 9:30 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)
012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my